

Tel: +(6)07-5530000 Fax: +(6)07-5579376 <http://www.utm.my/vicechancellor> Email: zaini@utm.my

OUR REF: UTMJ01.03/20.13/1 Jld. 9 (96)

18 Jun 2013

YOUR REF:

YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Yahya bin Awang
Damansara Specialist Hospital
Suite 17 & 18, 1st Floor, No. 119
Jalan SS 20/10
Damansara Utama
47400 Petaling Jaya
Selangor.

Assalamualaikum,

Yang Berbahagia Tan Sri,

MAJLIS PENGHARGAAN MANTAN NAIB CANSOLOR UTM

Sukacita saya bagi pihak Universiti dengan berbesar hati menjemput Yang Berbahagia Tan Sri dan Puan Sri ke Majlis Penghargaan Mantan Naib Canselor UTM, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang yang akan diadakan pada **1 Julai 2013 (Isnin)** jam **8.00 malam** di **Opal & Pearl Room, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur**.

2. Sebagai makluman Yang Berbahagia Tan Sri, tanggal 7 Jun 2013 bersamaan 28 Rejab 1434H yang lalu, secara rasminya merupakan hari terakhir YBhg Dato' Seri Zaini Ujang memimpin UTM sebagai Naib Canselor. Justeru, majlis ini diadakan bagi melahirkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan besar dan komitmen tidak berbelah bagi beliau kepada transformasi dan pembangunan universiti yang sekaligus meletakkan UTM antara universiti terbaik di Malaysia dan dikenali di serata dunia.

3. Bersama-sama ini disertakan maklumat lengkap majlis berkenaan untuk makluman Yang Berbahagia Tan Sri. Semoga kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri dan Puan Sri akan dapat memeriahkan lagi majlis ini.

Sekian, terima kasih, wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



PROF. IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Pemangku Naib Canselor

No. Dokumen : 2013061420

**MAJLIS PENGHARGAAN MANTAN NAIB CANSOLOR
YANG BERBAHAGIA DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG**

1 Julai 2013 (Isnin)

Opal & Pearl Room, Mandarin Oriental Kuala Lumpur

ATUR CARA

- 8.00 malam : Ketibaan tetamu
- 8.10 malam : Ketibaan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Puan Sri
- 8.15 malam : Ketibaan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Yahya bin Awang,
Pro-Canselor UTM dan Yang Berbahagia Puan Sri
- : Ketibaan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Haji Salleh bin Mohd Nor,
Pro-Canselor UTM dan Yang Berbahagia Puan Sri
- : Ketibaan Yang Berhormat Dato' Dr. Muhammad Ridzuan bin Mohd Salleh,
Pro-Canselor UTM dan Yang Berbahagia Datin
- 8.20 malam : Ketibaan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Ayub dan
Yang Amat Berbahagia Toh Puan
- 8.25 malam : Ketibaan Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang dan
Yang Berbahagia Datin Seri
- 8.30 malam : Keberangkatan Tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah
Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM
- : Majlis Santapan
- : Persembahan
- : Ucapan Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Mohd. Azraai bin Kassim,
Pemangku Naib Canselor UTM
- : Ucapan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- : Tayangan Montaj
- : Ucapan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
- : Penyampaian Cenderamata
- : Sesi Bergambar
- : Keberangkatan Pulang Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah
Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM
- : Dif- dif Kehormat Meninggalkan Majlis
- : Bersurai

Pakaian: Batik Malaysia Lengan Panjang